



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

ISNIN
1 Disember 2025



Isnin, 1 Disember 2025

Nasional

7

Masih ramai majikan tak carum PERKESO

Mahu jimat kos, tingkat untung antara alasan ambil mudah isu lindung pekerja

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kadar ketidakpatuhan majikan dalam mencarum pekerja mereka terhadap keselamatan sosial, antara 17 hingga 20 peratus di negara ini, masih tinggi.

Difahamkan, antara faktor ketidakpatuhan itu ialah kewujudan syarikat khususnya dalam kalangan majikan kecil, syarikat baharu dan perniagaan milikan tunggal yang menjadikan faktor kos sebagai alasan, apabila segelintir majikan dengan sengaja tidak mencarum bagi menjimatkan perbelanjaan operasi serta memaksimumkan keuntungan.

Mendedahkan perkara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata terdapat juga majikan yang mendakwa tidak

tahu kewajipan mencarum atau kurang memahami proses pendaftaran.

Katanya, lebih buruk ada juga majikan yang mengambil pekerja secara tidak rasmi seperti tanpa kontrak bertulis atau melalui bayaran tunai, yang memudahkan mereka mengelak tanggungjawab caruman.

"Situasi ini memburukkan lagi tahap pematuhan dan menafikan hak pekerja untuk mendapat perlindungan sewajarnya demi kebajikan mereka.

"Selain itu, kita mendapati, kurang kesedaran undang-undang terutama dalam kalangan majikan yang menjalankan perniagaan kecil dan sederhana yang tidak memahami tanggungjawab mereka mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

"Sebahagian mereka mendakwa tidak tahu semua pekerja bergaji termasuk yang bekerja secara kontrak atau sambilan wajib dilindungi PERKESO," katanya kepada BH, di sini.

Isu berkaitan pekerja dilindungi majikan bukan baharu, malah pada Jun lalu, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mendedahkan kira-kira 40 peratus daripada tenaga kerja Malaysia masih tidak mempunyai perlindungan persaraan formal.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ahmad Zulqarnain Onn dilaporkan berkata, golongan terbabit merangkumi pekerja ekonomi gig seperti penghantar makanan, pemandu e-hailing, individu bekerja sendiri dan mereka dalam pekerjaan tidak konvensional.

Perluas 'smart detection'

Pada masa sama, Mohammed Azman berkata, peka dengan keadaan itu, PERKESO kini meluaskan pelaksanaan 'smart detection', iaitu satu inisiatif berasaskan analisis data dan pemantauan digital.

"Melalui pendekatan ini, majikan dikesan secara proaktif berdasarkan maklumat dari pelbagai sumber digital, termasuk portal rasmi, platform media sosial, data pendaftaran perniagaan dan internet secara umum.

"Data ini dianalisis untuk mengesan entiti perniagaan yang aktif beroperasi, tetapi ti-

dak melunaskan sebarang caruman PERKESO," katanya.

Mohammed Azman berkata, PERKESO turut melaksanakan pengesanan bersasar mengikut sektor contohnya menjalankan pemantauan khusus terhadap pemantauan restoran, kantin, stesen minyak, peruncitan, taska dan pusat kecantikan.

Beliau berkata, semua sektor itu sebelum ini dikenal pasti sebagai antara yang berisiko tinggi dari segi ketidakpatuhan caruman dengan alasan kos operasi tinggi.

"Dalam usaha untuk menjimatkan perbelanjaan dan mengekalkan margin keuntungan, ramai majikan dalam sektor ini cuba mengelak pembayaran caruman dengan tidak mendaftarkan pekerja walaupun mereka diwajibkan berbuat demikian mengikut peruntukan undang-undang.

"Justeru, pemantauan itu

bukan sahaja dijalankan melalui lawatan fizikal, tetapi turut dibantu dengan padanan data digital dan sistem pelaporan dalaman," katanya.

Beliau berkata, langkah itu juga selari transformasi digital PERKESO yang lebih menyeluruh, di mana pemantauan tidak lagi bergantung semata-mata kepada aduan atau pemeriksaan fizikal.

Katanya, sebaliknya ia dikuatkuhan melalui teknologi pemprofilan risiko dan integrasi data.

"Melalui sinergi antara pendekatan pintar dan penguatkuasaan lapangan, PERKESO merancang untuk mengurangkan ketergantungan kepada operasi besar-besaran yang reaktif.

"Sebaliknya beralih kepada tindakan proaktif serta bersasar, dengan impak yang lebih cepat dan efektif," katanya.

Mohammed Azman berkata, bagi tempoh 2023 hingga 30 Jun lalu, jumlah tindakan kompaun yang dikeluarkan adalah sebanyak 2,952 mengikut Akta 4.

"Sementara 1,252 lagi mengikut Akta 800 manakala jumlah tindakan pendakwaan yang diambil dalam tempoh sama adalah sebanyak 560 kes bagi Akta 4 dan 249 kes bagi Akta 800," katanya.

Terdapat juga majikan yang mendakwa tidak tahu kewajipan mencarum atau kurang memahami proses pendaftaran

Mohammed Azman Aziz Mohammed,
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO

